



JABATAN KETUA MENTERI
CHIEF MINISTER DEPARTMENT
Aras 28, Blok A,
Menara Kinabalu,
Jalan UMS, Teluk Likas,
88400 KOTA KINABALU, SABAH, MALAYSIA.



Telefon : +6088-369 900
: +6088-369 901
Faksimile : +6088-211 016
Laman Web : skn.sabah.gov.my

Rujukan : Bil.JPAN:100-7/5 Klt.3 (100)

Tarikh : 18 SEP 2023

Semua Setiausaha Tetap Kementerian
Semua Ketua Jabatan Negeri
Semua Ketua Pegawai Eksekutif Badan Berkanun Negeri
Semua Ketua Pihak Berkuasa Tempatan Negeri

Yang Berbahagia Datuk/Datin/Tuan/Puan,

**PEMAKAIAN PAKAIAN BATIK MALAYSIA SEMASA WAKTU BEKERJA BAGI
PEGAWAI PERKHIDMATAN AWAM NEGERI SABAH**

Dengan hormatnya saya merujuk perkara di atas dan surat daripada Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia rujukan JPA.100-1/4/1 (13) bertarikh 21 Ogos 2023 adalah berkaitan.

2. Pemakaian batik Malaysia oleh pegawai perkhidmatan awam telah dilaksanakan semenjak tahun 1985. Selaras dengan surat edaran yang dikeluarkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam Malaysia, Kerajaan Negeri bersetuju untuk **mewajibkan** pemakaian pakaian **batik Malaysia** semasa waktu bekerja bagi pegawai perkhidmatan awam negeri Sabah pada setiap hari **Khamis** dan **digalakkan** pemakaiannya pada **hari bekerja yang lain**.

3. Ketetapan pemakaian batik ini dikecualikan bagi pegawai yang dibekalkan pakaian seragam atau menghadiri majlis rasmi dengan ketetapan kod pakaian tertentu. Sehubungan dengan tu, Surat Pekeliling Perkhidmatan Negeri Sabah Bil.1/2008 adalah dibatalkan.

4. Arahan ini berkuat kuasa dari tarikh surat edaran dikeluarkan. Tertakluk kepada penerimaannya oleh pihak berkuasa masing-masing, pemakaian surat edaran ini secara keseluruhannya dipanjangkan kepada Pihak Berkuasa Badan Berkanun dan Pihak Berkuasa Tempatan.

Sekian.

“MALAYSIA MADANI”

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

(DATUK SERI PANGLIMA Sr. HAJI SAFAR BIN UNTONG, JP.)
Setiausaha Kerajaan Negeri

“SABAH MAJU JAYA”